



Ruj. Kami: JHEAINS.196(09) BPMS 396/3 (60)

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
BAGI PELAKSANAAN AKTIVITI DI MASJID DAN SURAU
SELURUH NEGERI SEMBILAN DALAM TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) sentiasa memberi perhatian kepada perkembangan semasa berikutan penularan wabak COVID-19 di negeri ini. Selaras dengan kenyataan Y.A.B Menteri Besar Negeri Sembilan, seluruh masjid dan surau di Negeri Sembilan **HENDAKLAH** mematuhi SOP yang dikuatkuasakan dalam tempoh PKP seperti yang berikut:

1. SOLAT JUMAAT

- 1.1. Jemaah **DIBENARKAN** hadir solat Jumaat berdasarkan kapasiti ruang solat yang dibuka oleh pihak masjid, surau Jumaat dan mana-mana surau yang diberi kebenaran solat Jumaat sementara.
- 1.2. Jemaah yang **DIBENARKAN** adalah seperti yang berikut:
 - i. Warganegara Malaysia; dan
 - ii. Lelaki berumur 15 tahun ke atas.
- 1.3. Kaedah penentuan kehadiran jemaah adalah **secara terbuka (walk in)** dan jemaah **WAJIB** mengimbas suhu serta QR *Code MySejahtera* atau QR *Code* masjid/surau yang disediakan di pintu-pintu masuk.
- 1.4. Bagi mereka yang tidak dapat menunaikan solat Jumaat di masjid/surau, **WAJIB DIGANTIKAN** dengan solat zohor.
- 1.5. Jemaah **WAJIB** mengambil wuduk di rumah, membawa sejadah sendiri bersaiz besar (anggaran 2x4 kaki), mematuhi penjarakan fizikal (*physical distancing*) dan memakai pelitup muka (*face mask*) sepanjang berada di masjid/surau termasuk ketika mendirikan solat.
- 1.6. Jemaah **DIGALAKKAN** membungkus selipar/kasut dan membawa ke tempat solat masing-masing.

- 1.7. Pintu pagar utama **HENDAKLAH** dibuka bermula pada pukul 12.00 tengahari sehingga 10 minit selepas azan.

2. **SOLAT FARDHU**

- 2.1. Jemaah yang **DIBENARKAN** adalah seperti yang berikut:
 - i. Warganegara Malaysia; dan
 - ii. Lelaki dan wanita berumur 15 tahun ke atas.
- 2.2. Jemaah **WAJIB** mengimbas suhu dan QR *Code MySejahtera* atau QR *Code* masjid/surau yang disediakan di pintu-pintu masuk.
- 2.3. Azan **HENDAKLAH** dilaungkan apabila masuk waktu solat fardhu.
- 2.4. Jemaah **WAJIB** mengambil wuduk di rumah, membawa sejadah sendiri bersaiz besar (anggaran 2x4 kaki), mematuhi penjarakkan fizikal (*physical distancing*) dan memakai pelitup muka (*face mask*) sepanjang berada di masjid/surau termasuk ketika mendirikan solat.
- 2.5. Jemaah **DIGALAKKAN** membungkus selipar/kasut dan membawa ke tempat solat masing-masing.
- 2.6. Jemaah **DILARANG** berganjak atau berubah tempat duduk semasa melaksanakan amalan sunat selepas waktu solat fardhu Maghrib sehingga Isyak.

3. **PENGURUSAN JENAZAH**

- 3.1. Jenazah (kematian biasa) dalam tempoh PKP **HENDAKLAH** diuruskan di masjid/surau oleh enam (6) orang sahaja yang terdiri daripada petugas pengurusan jenazah bersama-sama tiga (3) orang waris terdekat.
- 3.2. Jemaah/waris **WAJIB** mengimbas suhu dan QR *Code MySejahtera* atau QR *Code* masjid/surau yang disediakan di pintu-pintu masuk.
- 3.3. Solat jenazah **DIBENARKAN** berdasarkan kapasiti ruang solat yang dibuka oleh pihak masjid/surau, **WAJIB** mengambil wuduk di rumah, mematuhi penjarakkan fizikal (*physical distancing*) dan memakai pelitup muka (*face mask*) sepanjang berada di masjid/surau/tanah perkuburan termasuk ketika mendirikan solat jenazah.
- 3.4. Talkin dan majlis tahlil di tanah perkuburan **TIDAK DIBENARKAN**.

4. **AKTIVITI PENGAJIAN ILMU**

- 4.1. Aktiviti pengajian ilmu (kuliyah/kelas takmir) **DIBENARKAN** antara waktu Maghrib dan Isyak sahaja.

- 4.2. Jemaah **DILARANG** berganjak atau berubah tempat duduk semasa mengikuti pengajian ilmu.
- 4.3. Jamuan selepas aktiviti pengajian ilmu **TIDAK DIBENARKAN**.
- 4.4. **WAJIB** mematuhi SOP Pihak Berkuasa sepanjang aktiviti pengajian ilmu.
- 4.5. Penceramah atau pentazkirah dari luar Negeri Sembilan **TIDAK DIBENARKAN**.

5. **MAJLIS AKAD NIKAH**

- 5.1. **BOLEH** dilaksanakan di masjid/surau. Jumlah kehadiran adalah terhad dan **TIDAK MELEBIHI 30 orang**.
- 5.2. Tetamu/ahli keluarga yang hadir **WAJIB** mengimbas suhu dan *QR Code MySejahtera* atau *QR Code* masjid/surau yang disediakan di pintu-pintu masuk.
- 5.3. Tetamu/ahli keluarga yang **DIBENARKAN** adalah seperti yang berikut:
 - i. Warganegara Malaysia;
 - ii. Lelaki dan wanita berumur 15 tahun ke atas.
 - iii. Berumur **60 tahun** dan ke atas **TIDAK DIGALAKKAN HADIR** kecuali wali dan ibu bapa pengantin.
- 5.4. Jamuan selepas majlis akad nikah di masjid/surau **TIDAK DIBENARKAN**.
- 5.5. **WAJIB** mematuhi SOP Pihak Berkuasa sepanjang majlis dilaksanakan.
- 5.6. Kebenaran rentas daerah/negeri daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah tanggungjawab individu.
- 5.7. Pengantin/pasangan bukan warganegara **TIDAK DIBENARKAN** menjalankan akad nikah di masjid/surau.

6. **TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA MASJID/SURAU**

- 6.1. Pihak masjid/surau **HENDAKLAH TEGAS** dalam melaksanakan SOP ini termasuk langkah-langkah kawalan, pemantauan, penguatkuasaan, advokasi dan pencegahan dengan lebih proaktif dan komprehensif. Adalah disaran untuk mendapatkan perkhidmatan RELA atau mana-mana kaedah yang difikirkan sesuai untuk mematuhi SOP ini bagi memastikan situasi Covid-19 di Negeri Sembilan terus terkawal dengan matlamat untuk mengurangkan bilangan kes positif, meningkatkan bilangan kes sembuh dan akhirnya melandaikan lenguk penularan wabak Covid-19.

- 6.2. Pihak masjid/surau **HENDAKLAH** mensanitasi ruang solat dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan tempat wuduk sekurang-kurangnya satu (1) kali seminggu.

PENGUATKUASAAN

Mana-mana individu yang didapati tidak mematuhi arahan ini boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dengan hukuman denda tidak melebihi RM1,000.00 atau penjara tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama oleh mahkamah. Mereka yang didapati melakukan kesalahan berulang berdepan dengan hukuman yang lebih berat.

PENUTUP

JHEAINS sentiasa prihatin menjalankan usaha preventif bersama-sama pihak berwajib dalam menangani penularan wabak Covid-19. Sebarang makluman terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

PENGARAH

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

TARIKH KEMASKINI: 20 Januari 2021 / 7 Jumada al-Akhirah 1442H